

D219

B B036 AAB
MAHATHIR - RUNDINGAN 2 2 2
(I)
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

MOSCOW, 31 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENGADAKAN PERBINCANGAN SECARA +JUJUR DAN TERBUKA+ DENGAN SETIAUSAHA AGUNG PARTI KOMUNIS SOVIET, MIKHAIL GORBACHEV, DI KREMLIN, DI SINI, HARI INI.

PARA PEGAWAI MALAYSIA BERKATA KEDUA-DUA PEMIMPIN BERBINCANG MENGENAI ISU-ISU DUA HALA, EKONOMI, SERANTAU DAN POLITIK ANTARABANGSA SERTA BERTUKAR-TUKAR PANDANGAN ANTARA SATU SAMA LAIN.

ENCIK GORBACHEV, YANG KINI DIANGGAP SEBAGAI SEORANG DARIPADA ORANG YANG BERPENGARUH DI DUNIA, MEMBERI TAKLIMAT KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI TAWARAN +GLOBAL ZERO OPTION+ BAGI KEAMANAN DUNIA DAN PERKEMBANGAN TERBARU MENGENAINYA.

PERDANA MENTERI DIFAHAMKAN TELAH MENEGASKAN KEPADA PEMIMPIN SOVIET ITU TENTANG PERLUNYA SOVIET UNION MENDESAK VIETNAM MENGUNDURKAN TENTERANYA DARI KAMPUCHEA SEBAGAI SYARAT MUTLAK KE ARAH PENYELASAAN POLITIK TERHADAP KONFLIK ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA DIFAHAMKAN TELAH MENJELASKAN KEPADA PEMIMPIN SOVIET ITU TENTANG BANTAHAN MALAYSIA TERHADAP PENDUDUKAN SOVIET DI AFGHANISTAN DAN SEBAB-SEBABNYA. -- LAGI
1736MST 31 07 87

D220

B B037 AAB
MAHATHIR - RUNDINGAN 2 MOSCOW 2 2 2
(I)

PADA MALAM RABU, DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ANGGOTA-ANGGOTA KANAN ROMBONGAN BERUNDING SELAMA LEBIH DUA JAM DENGAN PEMANGKU PERDANA MENTERI SOVIET, ENCIK V.S. MURAKHOVSKY, DAN TOKOH-TOKOH PENTING LAIN SOVIET.

ANGGOTA ANGGOTA ROMBONGAN IALAH MENTERI KERJA RAYA, DATUK S.SAMY VELLU, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, DATUK DR LIM KHENG YAIK, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, DAN MENTERI LUAR, DATUK ABU HASSAN OMAR.

JURUCAKAP ROMBONGAN MALAYSIA BERKATA MALAYSIA BERPUAS HATI DENGAN PENYERTAAN WAKIL SOVIET DAN HASIL PERBINCANGAN ITU.

KATANYA, HASIL PERBINCANGAN MENCERMINKAN KESUNGGUHAN SOVIET UNTUK MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DAN KEAZAMANNYA UNTUK MENGAMALKAN APA YANG DICAKAPKAN OLEH PARA PEMIMPIN SOVIET SEJAK AKHIR-AKHIR INI.

SOAL PELABURAN SOVIET DI MALAYSIA TIDAK LAGI AKAN MENGHADAPI APA-APA RINTANGAN, KATA JURUCAKAP BERKENAAN. -- LAGI
1737MST 31 07 87

D221

B B038 AAB
MAHATHIR - RUNDINGAN 3 MOSCOW 2 2 2
(I)

DALAM PADA ITU, MALAYSIA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENERIMA TAWARAN BIASISWA SOVIET KEPADA RAKYAT MALAYSIA DALAM BIDANG PEMBANGUNAN PERTANIAN, TEKNOLOGI NUKLEAR, PEMBANGUNAN TENAGA DAN SAINS.

MENGENAI PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA YANG KINI MENGUNTUNGAN MALAYSIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MEMANG BERHASRAT UNTUK MEMPERBETULKAN KEADAAN ITU.

PERDANA MENTERI LALU MENYENERAIKAN BEBERAPA BARANGAN YANG MALAYSIA SEDIA MEMBELI DARI SOVIET UNION.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA SOVIET UNION HENDAKLAH BERBUAT SESUATU BAGI MENJADIKAN BARANGANNYA LEBIH KOMPETITIF DI MALAYSIA DAN DALAM HUBUNGAN INI, +MEREKA HENDAKLAH TAHU BAGAIMANA HENDAK MENGENDALIKAN PROMOSI PERDAGANGAN DENGAN BERKESAN. -- BERNAMA
1739MST 31 07 87